



TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA
PROFESOR Ir. Dr. HAJI AHMAD RASHIDY RAZALI
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG**

**SEMPENA
KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) UiTM KE-28 2023
“ATLET CEMERLANG, UiTM GEMILANG”**

**DI
DEWAN BESAR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH**

**PADA
21 SEPTEMBER 2023M / 5 RABIULAWWAL 1445H**

**ANJURAN
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS

- 1. YANG BERBAHAGIA DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
- 2. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR**
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- 3. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. HAJI MOHD SAZILI BIN SHAHIBI**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
UiTM
- 4. YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA IR. TS. DR JULIANA BINTI JOHARI**
Penolong Naib Canselor (Infostruktur), UiTM

5. **YANG BERUSAHA ENCIK AHMAD TARMIZY BIN MOHAMMED**
Pengarah Pusat Sukan
Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM
6. **YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA DR SHAHSUZAN BIN ZAKARIA**
Pengarah Pembangunan Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM
7. **YANG BERBAHAGIA REKTOR-REKTOR KAMPUS CAWANGAN**
8. **TIMBALAN-TIMBALAN REKTOR**
9. **BARISAN PENGURUSAN KANAN DAN WAKIL-WAKIL DARIPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DAN UiTM**
10. **BARISAN TETAMU JEMPUTAN,**
11. **RAKAN-RAKAN MEDIA,**
12. **SERTA PARA ATLET DAN HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh
Salam Malaysia Madani / Salam Perpaduan
Salam UiTM dihatiku**

1. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam buat Nabi junjungan Muhammad s.a.w keluarga dan para sahabat baginda seluruhnya. Atas keizinan-Nya jua dapat kita sama-sama menjayakan Majlis Perasmian Pembukaan Karnival Sukan Mahasiswa (KARISMA) ke-28 2023 Universiti Teknologi MARA pada malam yang berbahagia ini.

2. Dikesempatan ini, izinkan saya mewakili seluruh warga UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk mengucapkan Selamat Datang kepada YANG BERBAHAGIA DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI dan wakil-wakil daripada Kementerian Pendidikan Tinggi yang sudi memenuhi undangan ke sini walaupun dihambat dengan jadual yang begitu padat. Terima kasih Dato' Seri.

3. Selamat datang juga diucapkan kepada YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR, NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA bersama Pengurusan Kanan UiTM ke bumi Permatang Pauh bagi sama-sama menjayakan Karnival KARISMA UiTM bagi tahun ini.

4. Seterusnya kepada yang diraikan, para atlet daripada 14 buah kampus (induk dan negeri-negeri) di seluruh sistem UiTM yang akan bertanding pada kejohanan kali ini. Selamat datang kami ucapkan ke Negeri Pulau Pinang “Pulau Mutiara” juga dikenali sebagai “syurga makanan” dengan izin “Food Paradise”.

Yang Berbahagia Dato’ Seri dan hadirin Sekalian,

5. Karnival Sukan KARISMA ke-28 ini menghimpunkan lebih 3800 orang peserta di mana 2,622 darinya merupakan atlet dari kalangan mahasiswa-mahasiswi UiTM yang akan bertanding dalam 14 acara sukan bagi

merebut 42 buah Pingat Emas yang dipertandingkan. Manakala, lokasi pertandingan bagi setiap acara akan dijalankan di 7 buah lokasi khas yang terpilih di luar kampus selain diadakan di dalam kawasan UiTM Cawangan Pulau Pinang sendiri iaitu di Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam dari 20 hingga 27 September 2023.

6. Segala kemudahan dan prasarana juga telah dipersiapkan buat para atlet dan para pegawai sukan yang berkampung di kampus ini selama 9 hari bermula 19 September yang lalu.
7. Bagi menjayakan Karnival Sukan KARISMA edisi ke 28 pada kali ini, seramai 250 orang staf pelbagai jabatan dari kampus ini telah sama-sama berganding bahu dan untuk merealisasikannya bersama-sama hampir 200 orang sukarelawan terdiri daripada para pelajar UiTM.

8. Dengan belanja dan penggunaan sumber manusia yang agak besar, pihak penganjur dan jawatankuasa pengelola amatlah berharap agar keberhasilan yang diperolehi dari KARISMA ini dapat dicapai dengan tahap yang sewajarnya. Semoga ada rekod-rekod baru dicatat di KARISMA edisi kali ini dan semua atlet dapat mempamerkan mutu permainan yang tinggi dalam semua acara yang dipertandingkan.

9. Selain itu, ukhwah dan jaringan yang bakal terjalin sesama kontinjen dan para atlet dapat diperkuatkan lagi.

Hadirin yang dikasihi

10. Pada malam yang berbahagia ini juga kita akan menyaksikan pelancaran Sports Championship Management System atau SCMS. Ia merupakan sistem pengurusan kejohanan sukan yang dibangunkan dan menggunakan kepakaran dalaman Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Pulau Pinang. Ia turut

melibatkan kakitangan Unit Sukan UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Pusat Sukan UiTM Shah Alam serta dibantu oleh Jabatan Infostruktur UiTM Shah Alam. Sistem yang telah dibangunkan ini, diharapkan dapat membantu dari aspek penyaluran maklumat dalam temasya sukan yang berskala besar. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan sistem SCMS ini.

Hadirin sekalian,

11. Sekali lagi bagi pihak tuan rumah dan penganjur KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) UiTM KALI KE-28, amat mangalu-alukan kehadiran semua atlet dari seluruh Kampus Cawangan UiTM. Selamat berjaya diucapkan buat semua.

- 12.** Sekalung penghargaan juga diucapkan buat YANG BERBAHAGIA DATO' SERI ABDUL RAZAK BIN JAAFAR, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI yang bakal merasmikan karnival kejohanan kita sebentar lagi. Terima kasih juga buat YANG BERBAHAGIA PROFESSOR DATUK TS. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR, NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA atas kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada kami sebagai tuan rumah KARISMA UiTM edisi kali ini.
- 13.** Ke-hadrat Allah jua kami berdoa dan berharap KARISMA UiTM pada kali ini dapat dijayakan dengan sempurna. Semoga dipermudahkan segala usaha kita semua demi merealisasikan matlamat kejohanan ini.
- 14.** Jika terdapat sebarang permasalahan atau ketidakselesaian yang mungkin berlaku di sepanjang keberadaan saudara-saudari di sini, mohon disalurkan maklumat kepada pihak urusetia dan didahului dengan

permohonan maaf. InsyaAllah pihak kami sedaya upaya akan memastikan semuanya berada dalam keadaan yang terkawal dan kondusif. Memberikan perkhidmatan yang terbaik.

15. Akhir kata, semoga berjumpa di lain arena. Teruskan perjuangan saudara-saudari dalam memartabatkan sukan negara ke tahap yang lebih cemerlang. **Terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan KARISMA 2023 ini. “Atlet Cemerlang UiTM Gemilang”**. Sekian; Wabillahi taufiq, Wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.